

INSTITUT TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PERLIS

**ASAS KEUSAHAWANAN
ETR 300**

**RANCANGAN PERNIAGAAN
' UNIQUE PILLAR ENTERPRISE '**

DISEDIAKAN UNTUK :

EN. AMRAN B. AWANG

DISEDIAKAN OLEH :

**MAT FAUZI B. MAHMOOD
96137222**

**AHMAD ISKANDAR B. ABDUL KADIR
96905158**

**MUHD YUSOF B. HUSSIN
96729169**

**MOHD SALMI B. YAHYA
96731935**

**MOHAMAD SHAHRIM B. MD. NOR
96637643**

ISI KANDUNGAN

<i>TAJUK</i>	<i>MUKA SURAT</i>
LOGO	1
PENGENALAN	2
TUJUAN	3
SINOPSIS	5
LATAR BELAKANG PERKONGSIAN	7
LATAR BELAKANG PEKONGSI	11
LATAR BELAKANG PROJEK	16
RANCANGAN PENTADBIRAN	21
RANCANGAN PEMASARAN	34
RANCANGAN PENGELUARAN	53
RANCANGAN KEWANGAN	77
RUMUSAN	91
LAMPIRAN	

PENGENALAN

Nama bagi syarikat kami ialah **UNIQE PILLAR ENTERPRISE**. Kegiatan utama syarikat kami ialah menghasilkan dan memasarkan tiang-tiang larik, pillar dan perabut yang berasaskan batu dan simen untuk pemaju perumahan, kontraktor pembinaan dan oranag ramai.

Pemilihan indrustri pembuatan ini dipilih memandangkan potensi industri ini untuk berkembang maju adalah tinggi. Ini kerana masyarakat pada masa kini berminat dengan hasil-hasil ukiran terutama yang berasaskan batu dan simen Di samping itu ia sesuai untuk pelbagai kegunaan dan rekaannya sangat menarik dan unik.

Selain itu, pembangunan yang semakin pesat sama ada di bandar atau di luar bandar menjadikan perusahaan seperti ini berpotensi untuk berkembang maju. Tambahan pula berdasarkan kepada perangkaan Kementerian Perumahan negeri Kedah, projek-projek perumahan yang dibina di negeri ini adalah meningkat dari tahun ke tahun dan ini memberi peluang yang cerah untuk mendapatkan pasaran pada masa kini dan masa hadapan.

Kami juga telah memilih lokasi syarikat kami di jalan utama Kangar-Alor Setar. Oleh kerana kawasan ini menjadi laluan utama bagi kedua-dua buah negeri maka syarikat kami mudah dilihat. Ini memberi kelebihan kepada syarikat kami untuk mendapat pelanggan yang lebih ramai. Di samping itu kawasan ini juga mempunyai pelbagai kemudahan asas seperti elektrik, air, telefon, jalan raya dan sebagainya yang boleh membantu memudahkan proses perniagaan kami. Kami juga memilih lokasi ini kerana ingin mengelakkan daripada kesibukan bandar.

SINOPSIS

1. **NAMA PERKONGSIAN.**

Setelah diadakan perbincangan dan dipersetujui oleh pekongsi-pekongsi bahawa perniagaan ini akan didaftarkan dan beroperasi dengan nama UNIQUE PILLAR ENTERPRISE.

2. **BIDANG KEGIATAN PERKONGSIAN.**

Perniagaan ini akan mengeluarkan dan membekalkan tiang roman, tiang larik dan set ukiran kerusi meja yang berasaskan konkrit.

3. **JENIS PERNIAGAAN.**

Kami telah memilih bentuk perniagaan perkongsian sebagai bakal perniagaan yang akan kami ceburi.

4. **LOKASI.**

Lokasi yang kami pilih untuk menubuhkan syarikat kami ialah terletak diantara jalan dari Kangar ke Alor setar di mana jalan tersebut merupakan jalan utama dari Perlis ke Kangar dan sebaliknya.

5. **PASARAN.**

Pasaran perniagaan perkongsian kami akan bertumpu di sekitar kawasan utara (Kedah dan Perlis).

6. **PESAING.**

Kami perlu menguruskan perniagaan ini dengan secara sistematik dan bijaksana untuk menghadapi saingan di kalangan pengusaha-pengusaha yang lain.

7. *PENGURUSAN.*

Perniagaan ini diuruskan sendiri oleh pekongsi-pekongsi dengan bantuan beberapa pekerja tambahan.